

Kaut untung jual barang lupus



Chin (tengah) bersama pegawainya menunjukkan antara barangan yang dirampas ketika sidang media di Kompleks Penyimpanan Eksibit KPDNHEP di Bukit Mertajam malam tadi. Foto Rosli Ahmad

Shamsul Munir Safini

shamsulmunir@hmetro.com.my

KEDAI alat ganti dan elektrik diserbu penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang, semalam.

Dalam serbuan 11.50 pagi itu, premis terletak di Simpang Ampat dekat Nibong Tebal didapati menjual perkakas elektrik berjenama yang sepatutnya dilupuskan.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Pulau Pinang Chin Ching Chung berkata, kesemua perkakas bernilai lebih RM100,000 itu sepatutnya dilupuskan tetapi pemilik premis dikatakan memperolehnya daripada kilang sebelum membaiki dan menjualnya.

Menurutnya, pihaknya bersama wakil cap dagangan menyerbu premis berkenaan dan merampas 4,000 perkakas elektrik itu dan 630 bateri yang dijual tanpa kebenaran pemilik asal.

"Pemilik premis memperoleh keuntungan lumayan hasil daripada jualan itu kerana mereka hanya membaiki barangan yang sudah rosak sebelum ia dijual kepada pengguna.

"Pengguna berdepan risiko apabila menggunakan peralatan yang rosak dan tidak dijamin keselamatannya," katanya pada sidang media di Kompleks Penyimpanan Eksibit KPDNHEP di Bukit Mertajam malam tadi.

Menurutnya, antara perkakas itu adalah mesin pencanai, penebuk lubang dan bateri itu hanya dibaiki dengan menukar fius asalnya selain membuang jenamanya sebelum dijual.

Katanya, pengusaha premis dikesan sudah menggunakan taktik itu sejak beberapa bulan lalu sebelum pemilik cap dagangan membuat aduan.

"Pihak kami masih menyiasat kemungkinan ada individu yang bertanggungjawab melupuskan peralatan itu tetapi menjualnya kepada orang ketiga untuk dibaiki sebelum dijual semula di pasaran.

"Pemilik premis akan dipanggil bagi diambil keterangan dan kes disiasat mengikut Seksyen 8(3) dan Seksyen 10(3) Akta Perihal Dagangan 2011 ," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 7 September 2019 @ 12:57 AM

